



PRN SARAWAK GPS KEKAL BERKUASA

Kemenangan GPS (Gabungan Parti Sarawak) memang sudah dijangka oleh kebanyakan penganalisis dan pemerhati politik tanah air. Namun begitu, sesuatu yang tidak terjangka ialah kemenangan besar GPS yang melepasi kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional (BN) di bawah teraju mantan Ketua Menteri (KM) Sarawak kelima, Allahyarham Tan Sri Pehin Sri Haji Adenan Satem, atau lebih popular dengan panggilan Tok Nan.

Banyak penganalisis meramalkan bahawa GPS akan menang dengan majoriti dua pertiga, iaitu lebih daripada 54 kerusi. Walau bagaimanapun, berdasarkan analisis ke atas 28 kerusi yang disifatkan sebagai “kompetitif”, jumlah kerusi yang dijangka akan dimenangi oleh GPS tidak lebih daripada 64 kerusi. Kerusi-kerusi yang dianggap “kompetitif” itu meliputi kawasan yang melibatkan majoriti yang diperoleh oleh GPS menurun pada tahun 2016.

Di samping itu, ada juga penganalisis yang mengandaikan bahawa parti baharu terutamanya Parti Sarawak Bersatu (PSB) mampu memberikan saingan hebat kepada GPS berdasarkan keupayaan PSB menyaingi GPS sepanjang perang bendera dan poster berlangsung. PSB juga dilihat mampu untuk memberikan cabaran kepada GPS kerana parti tersebut dianggotai oleh pemimpin politik

berpengaruh seperti Wong Soon Koh, Masir Kujat, Joseph Entulu, Sylvester Entri, Johnical Rayong, Baru Bian dan See Chee How.

Sebanyak 349 calon yang bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) kali ini melibatkan 10 buah parti seperti GPS, Parti Bumi Kenyalang (PBK), PSB, Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (ASPIRASI), Parti Bansa Dayak Sarawak Baru (PBDSB), Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti Sedar Rakyat Sarawak (SEDAR) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

GPS yang ditubuhkan pada tahun 2018 dan diketuai oleh Tan Sri Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak, yang lebih dikenali dengan panggilan Abang Johari atau Abang Jo, merangkumi parti tempatan,

seperti PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu), PRS (Parti Rakyat Sarawak), PDP (Parti Demokratik Progresif) dan SUPP (Parti Rakyat Bersatu Sarawak).

Manifesto dan Kempen

Fokus utama manifesto GPS adalah untuk memastikan kestabilan politik dan autonomi Sarawak, dan juga mengekalkan hak negeri. GPS juga menawarkan 34 ikrar untuk membawa Sarawak ke arah kestabilan, kemakmuran dan kegemilangan. PSB pula berjanji untuk melantik empat orang Timbalan Ketua Menteri bagi mewakili kaum utama di Sarawak, selain berjanji untuk memastikan kabinet negeri diwakili oleh pemimpin masyarakat yang berbilang kaum. PBK dan ASPIRASI pula menawarkan kemerdekaan dan berkerajaan sendiri bagi Sarawak apabila memerintah kelak.

Bagi menambat hati masyarakat Dayak, PSB dan PBK juga berjanji melantik seorang daripada pemimpin Dayak untuk menjadi Ketua Menteri. Masyarakat Dayak yang merangkumi suku Iban, Bidayuh dan Orang Ulu mewakili kira-kira 40 peratus daripada penduduk Sarawak. DAP terus mengekalkan mesej seperti “Ubah” dan “Sarawak Maju”, manakala PKR dan AMANAH tetap komited dengan ikrar untuk melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sepenuhnya apabila dipilih untuk memerintah Kerajaan Sarawak.

Berbanding dengan PRN pada tahun 2016, PRN pada kali ini berjalan dengan agak perlahan. Pandemik COVID-19, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dan sikap apati terhadap kepentingan untuk mengundi ternyata mengurangkan minat pengundi untuk keluar membuang undi. Terdapat juga segelintir pengundi yang risau dengan jangkitan COVID-19 terutamanya bagi pengundi yang sudah berumur. Bagi sesetengah pengundi dewasa dan muda, kebanyakannya kurang berminat untuk mengundi kerana kecewa dengan situasi politik semasa dan tindak-tanduk sesetengah ahli politik yang menyebabkan keadaan politik menjadi kucar-kacir, terutamanya pada peringkat nasional.

Di kawasan bandar, banyak calon yang turun padang untuk aman mesra, tetapi dalam kumpulan yang kecil untuk bertegur sapa dengan pengundi. Sebahagian besar calon menggunakan media sosial seperti Facebook dan YouTube untuk menyampaikan mesej kempen masing-masing. Kebiasaannya di kawasan bandar, parti pembangkang seperti DAP akan mengadakan ceramah secara besar-besaran dengan penampilan pemimpin-pemimpin berpengaruh, namun pendekatan sebegini tidak dapat dilaksanakan pada PRN kali ini. PKR pula nampak terlalu bergantung kepada kelibat Dato’ Seri Anwar Ibrahim yang berkempen tanpa diiringi oleh pemimpin-pemimpin besar PH yang lain.

Di kawasan luar bandar pula, kempen dijalankan secara sederhana melalui pengedaran risalah kempen oleh calon yang bertanding di rumah panjang yang tidak mempunyai rangkaian Internet yang baik. Terdapat juga calon yang mengadakan ceramah secara kecil-kecilan. SOP pilihan raya turut menghadkan pergerakan calon dari satu tempat ke tempat yang lain sehingga sedikit sebanyak menjejaskan kempen oleh pihak pembangkang terutamanya PSB dan PBK yang menampilkan banyak calon baharu. Namun begitu, dengan kawalan SOP yang ketat tidak menjejaskan GPS kerana lebih daripada 70 peratus calon yang ditampilkan oleh parti tersebut merupakan calon lama yang sememangnya sudah dikenali oleh pengundi.

Kemenangan Besar GPS

Kemenangan GPS yang disifatkan sebagai kemenangan yang menyeluruh memperlihatkan parti tersebut memenangi 76 kerusi, iaitu lebih daripada 90 peratus daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan. PSB dan DAP hanya menang masing-masing dengan empat dan dua kerusi.

Dari segi jumlah undi popular, GPS mendapat 61 peratus, diikuti oleh PSB (19%), PH (10%) dan PBK (6%).

Walaupun terdapat banyak pertemuan yang lebih daripada dua penjur, GPS tetap unggul mengatasi parti lawan yang lain. Dalam erti kata yang lain, pertandingan



pelbagai penjuror tidak menjejaskan peluang bagi GPS untuk menang lebih daripada dua pertiga kerusi yang dipertandingkan. Sebagai contoh, daripada 13 kerusi yang melibatkan pertandingan tiga penjuror, hanya dua kerusi, iaitu Balai Ringin dan Meluan apabila calon GPS mendapat kurang daripada 60 peratus undi popular. Kemenangan calon GPS yang lain pula lebih daripada 70 peratus. Di samping itu, daripada 33 kerusi yang melibatkan pertandingan empat penjuror, calon GPS yang mendapat kurang daripada 50 peratus undi popular hanyalah lima kerusi, iaitu Padungan, Simanggang, Batang Ai, Engkilili dan Krian.

Jika diteliti, pembangkang memberikan saingan sengit kepada GPS di 24 kerusi yang menyaksikan pertandingan lima penjuror. Daripada 24 kerusi tersebut, terdapat 10 kerusi melibatkan undi popular yang dimenangi oleh calon GPS kurang daripada 50 peratus. Pertandingan enam penjuror di tujuh kerusi yang dipertandingkan memberikan kelebihan kepada GPS untuk menang di Opar, Bukit Assek dan Tanjong Batu walaupun dengan undi popular yang agak rendah, iaitu antara 30 hingga 40 peratus. Pencabar terdekat GPS di ketiga-tiga kerusi ini ialah PSB dan DAP.

Dalam pertandingan lapan penjuror di Dudong, calon GPS tidak mengalami masalah untuk memenangi kerusi tersebut walaupun undi popular yang diperoleh kurang daripada 50 peratus. Di kerusi majoriti Melayu/Melanau, PBB mendahului parti lain dengan 76.50 peratus undi popular. Di kerusi yang didominasi oleh masyarakat Iban, terdapat persaingan sengit antara PRS dengan PSB



yang masing-masing mendapat 28.22 peratus dan 29.84 peratus undi popular.

Di 15 kawasan majoriti pengundi Cina pula, undi popular yang selama ini dikuasai oleh DAP beralih kepada SUPP yang berjaya mendapat 46.37 peratus berbanding dengan DAP yang hanya mendapat 22.68 peratus. Namun begitu, sokongan masyarakat Cina bukan hanya beralih kepada SUPP, malah juga kepada PSB dan PBK yang masing-masing mendapat 16.90 peratus dan 10.21 peratus undi popular.

PBB juga ternyata agak popular di kawasan majoriti pengundi Bidayuh dengan undi popular sebanyak 40.99 peratus, diikuti oleh PSB (21.62%) dan PBK (11.30%).

Populariti mengikut parti di kawasan majoriti Orang Ulu merangkumi PRS (28.12%), PSB (27.49%) dan PBB (26.24%).

Faktor Kebangkitan GPS dan Peranan Abang Jo

Apakah faktor yang mendorong kebangkitan GPS dan apakah peranan yang dimainkan oleh Abang Jo? Pertama, peratusan turun mengundi yang rendah memberikan kelebihan kepada GPS. Majoriti pengundi yang turun untuk mengundi terdiri daripada pengundi lama dan penyokong tegar GPS. Penurunan peratusan kadar pengundi di kawasan bandar dan dalam kalangan pengundi Cina juga agak ketara. Sebagai contoh, pada tahun 2016, sebanyak 127 796 pengundi di kawasan bandar telah turun mengundi. Walau bagaimanapun, jumlah ini telah menurun kepada 106 114 pada PRN kali ini. Penurunan jumlah pengundi juga berlaku di kawasan separa bandar daripada 196 870 pada tahun 2016 kepada 184 132 pada tahun 2021.

Walaupun jumlah pengundi yang turun mengundi menunjukkan peningkatan di kawasan Melayu/Melanau, Iban, Bidayuh dan Orang Ulu, jumlah pengundi yang turun mengundi di kawasan Cina pula menunjukkan penurunan sebanyak 25 peratus. Penurunan jumlah pengundi di kawasan bandar dan di kawasan Cina sedikit sebanyak memberikan kesan kepada prestasi DAP.

Kedua, kegagalan pihak pembangkang untuk menampilkan diri sebagai alternatif menjejaskan keyakinan pengundi. Kebanyakan pengundi kecewa dengan prestasi PH semasa parti tersebut memerintah selama 22 bulan apabila banyak daripada janji-janji yang ditaburkan tidak berjaya dilaksanakan. Walaupun dengan kehadiran Dato' Seri



Anwar Ibrahim, kempen yang dijalankan oleh PH kelihatan agak hambar dan kurang mendapat sambutan seperti sebelumnya.

Ketiga, faktor SOP yang diperkenalkan untuk mengawal penularan COVID-19 juga mempengaruhi prestasi pembangkang. PSB dan PBK yang menampilkan banyak calon baharu terpaksa mengehendak pergerakan kempen dan mengadakan ceramah secara berskala kecil. GPS pula kurang terkesan oleh SOP kerana lebih 70 peratus calon yang diketengahkan oleh parti tersebut terdiri daripada calon lama yang sememangnya sudah dikenali oleh pengundi.

Keempat, memang tidak dapat dinafikan bahawa GPS mempunyai kelebihan sebagai penyandang bagi yang membolehkan parti tersebut untuk mengumumkan pemberian bantuan pembangunan dan kewangan kepada pengundi. GPS juga mempunyai jentera pilihan raya yang teratur yang sudah lama bergerak pada peringkat akar umbi. Pengundi juga nampaknya belum bersedia untuk memberikan sokongan kepada parti-parti baharu berbanding dengan GPS yang mempunyai rekodnya tersendiri dalam usaha memastikan kestabilan politik Sarawak, apatah lagi semasa negara dilanda pandemik COVID-19.

Kejayaan Abang Jo dalam memperkuat GPS sebagai sebuah parti yang berteraskan “Sarawak First”, iaitu dengan mengutamakan Sarawak dalam apa-apa jua keadaan juga mendorong pengundi untuk memberikan mandat kepada beliau untuk menerajui Sarawak untuk tempoh lima tahun lagi. Kemenangan besar GPS berjaya mengeluarkan Abang Jo daripada bayangan Tok Nan yang juga menggunakan pendekatan “Sarawak First” untuk meraih sokongan masyarakat Sarawak.



Di bawah kepemimpinan Abang Jo, beliau telah berjaya melaksanakan beberapa tindakan sejajar dengan pelaksanaan MA63, seperti mengenakan cukai lima peratus terhadap produk Petroleum yang dihasilkan di Sarawak, menubuhkan sekolah antarabangsa yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar, dan menubuhkan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) yang dimiliki oleh Kerajaan Sarawak.

Walaupun bagaimanapun, kejayaan besar GPS yang diterajui oleh Abang Jo ialah pindaan terhadap Artikel 1(2) dalam Perlembagaan Persekutuan yang telah mengembalikan status Sarawak dan Sabah sebagai “Borneo States” (Negeri Borneo). Pada masa yang sama, pindaan juga turut dilakukan ke atas Artikel 160(2) yang memberikan pengiktirafan kepada MA63 dan membolehkan pelaksanaan MA63 sejajar dengan semangat penubuhan Malaysia. Bukan itu sahaja, pindaan terhadap Artikel 161A(6) juga menyerahkan kuasa perundangan kepada Kerajaan Sarawak untuk menentukan status peribumi individu di Sarawak.

Kejayaan pindaan perlembagaan yang diterajui oleh GPS ini merupakan penguat semangat dari segi moral kepada Abang Jo yang berjaya digunakan untuk meningkatkan keyakinan pengundi kepada kepemimpinan beliau.

Implikasi terhadap Politik Sarawak dan Nasional

Keputusan PRN Sarawak ini memberikan implikasi kepada politik Sarawak dan nasional secara umum. Jumlah kerusi dan undi popular yang diperoleh oleh GPS menunjukkan dominasi parti tersebut dalam landskap politik Sarawak. Kemenangan ini juga akan digunakan sepenuhnya oleh Ketua Menteri untuk mengukuhkan kedudukan serta pengaruh beliau dalam kancah politik lokal.

Walaupun populariti parti terbesar dalam GPS, PBB, tidak tergugat di kawasan Melayu/Melanau, pengaruh GPS menerusi PRS berjaya diimbangi oleh PSB dan PBK di kawasan Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Di kawasan Cina pula, GPS menerusi SUPP bukan hanya akan ditentang oleh DAP pada pilihan raya akan datang, malah juga daripada PSB dan PBK.

Dalam konteks hubungan persekutuan negeri, GPS dijangka akan meneruskan pendekatan pragmatik parti tersebut, iaitu memberikan sokongan kepada mana-mana entiti berpengaruh pada peringkat nasional. Bagi GPS, yang paling penting ialah entiti tersebut harus menghormati keputusan GPS untuk bergerak berdasarkan pendekatan “Sarawak First”. Perkara yang pasti, kedudukan politik GPS yang semakin kukuh akan menyukarkan laluan kepada parti politik nasional untuk melebarkan sayap ke Sarawak. Pada masa yang sama, kebangkitan GPS dan penerimaan terhadap parti tempatan seperti PSB dan PBK juga menimbulkan persoalan tentang kelangsungan dan relevanan DAP, PKR, AMANAH dan PAS di Bumi Kenyalang. □

Dr. Arnold Puyok, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengkomersilan), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UNIMAS.